

JUMAAT  
22 FEBRUARI 2013**Harian Metro**

M/S 60

# Umum bila-bila masa saja

**Putrajaya:** Individu yang dilantik menyandang jawatan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) akan diumumkan kerajaan pada bila-bila masa saja.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Tan Sri Mahmood Adam (*gambar*) berkata, beliau percaya kerajaan sudah mengenali pasti calon sesuai menyandang jawatan itu yang kosong pada masa kini.

Menurutnya, beliau tidak boleh mendedahkan nama individu yang bakal memegang jawatan berkenaan serta menyerahkan sepenuhnya kepada kerajaan mengumumkannya.

"Saya percaya nama akan diumumkan Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa pada bila-bila masa saja. Kita tiada masalah terhadap perkara ini.

"Kita memang sudah menerima senarai calon yang bakal dilantik sebagai KPPA untuk dipertimbangkan sebelum diserahkan kembali kepada kerajaan bagi membuat keputusan muktamad," katanya pada sidang media selepas menyampaikan su-



rat tawaran pelantikan kepada 180 daripada 298 calon bakal dilantik kakitangan kerajaan baru, di sini, semalam.

Sebelum ini, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) Datuk Farida Mohd Ali memangku tugas KPPA berkuat kuasa mulai 1 Julai lalu berikutan Tan Sri Abu Bakar Abdullah, 57, tamat perkhidmatannya selepas 35 tahun berkhidmat.

Pada 2 Julai lalu, Ali dalam satu kenyataannya berkata, kerajaan sedang menimbang dan calon yang layak bagi mengisi jawatan KPPA.

Mahmood berkata, calon KPPA sudah menjalani pelbagai proses saringan ketat termasuk tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).